

BAB KEEMPAT

HASIL PENYELIDIKAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab keempat ini penyelidik membuat laporan daripada dapatan yang penyelidik perolehi di Sekolah Menengah Ugama (Arab) Taqaddum Ma'arif, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan [SMU(A)] dan Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Melor, Padang Raja, Kota Bharu, Kelantan [SMK(A)]. Laporan ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan penyelidikan yang dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut :-

- i. Latar belakang pelajar.
- ii. Jenis-jenis salah laku pelajar.
- iii. Faktor-faktor salah laku pelajar.
- iv. Strategi kawalan salah laku.

4.2. LATAR BELAKANG PELAJAR

Di dalam bahagian latar belakang pelajar soalan-soalan yang ingin dikaji oleh penyelidik adalah seperti berikut :-

- i. Bagaimakah biasanya pelajar datang ke sekolah ?
- ii. Kawasan manakah pelajar tinggal ?
- iii. Jarak antara rumah pelajar dengan sekolah ?
- iv. Pelajar tinggal dengan siapa ?

4.2(a). BAGAIMANAKAH BIASANYA PELAJAR DATANG KE SEKOLAH ?

Berikut adalah jawapan kepada soalan ini :-

Jadual 4.2(a) : Cara Pelajar Datang Ke Sekolah

Bil	Cara Pelajar Datang Ke Sekolah	SMU(A)	SMK(A)
		N : 60	n : 60
1	Bekereta	6.7% (4)	8.3% (5)
2	Bermotorsikal	10.0% (6)	28.3% (17)
3	Berbasikal	31.7% (19)	36.7% (22)
4	Bas sekolah	13.3% (8)	21.7% (13)
5	Berjalan kaki	38.3% (23)	5.0% (3)

Dalam jadual 4.2(a), penyelidik dapati pelajar yang diselidiki di SMU(A) datang ke sekolah dengan cara bermotorsikal 10.0%, berbasikal 31.7% dan berjalan kaki 38.3%. Ketiga-tiga cara ini (80.0%) merupakan cara yang memudahkan mereka datang ke sekolah dengan masa yang terancang berbanding pelajar yang lain 20.0% (berkereta 6.7% dan bas sekolah 13.3%) kerana mereka terikat dengan orang yang menghantar mereka.

Daripada data ini penyelidik dapati 80.0% iaitu majoriti daripada responden yang di selidiki di SMU(A) adalah mudah untuk datang ke sekolah dan faktor cara pelajar datang ke sekolah tidak boleh dijadikan faktor mereka lewat datang ke sekolah.

Pelajar yang diselidiki di SMK(A) menyatakan bahawa mereka datang ke sekolah dengan cara bermotor 28.3%, berbasikal 36.7% dan berjalan kaki 5.0%. Ketiga-liga cara ini (70.0%) merupakan cara yang memudahkan mereka datang ke sekolah dengan masa yang terancang berbanding pelajar yang lain iaitu 40.0% (berkereta 8.3% dan bas sekolah 21.7%) kerana mereka terlibat dengan orang yang mengantarkan mereka.

Daripada data ini penyelidik dapati 70.0% iaitu majoriti daripada responden yang di selidiki di SMK(A) adalah mudah untuk datang ke sekolah dan faktor cara pelajar datang ke sekolah tidak boleh dijadikan faktor mereka lewat datang ke sekolah.

Data-data di dalam jadual 4.2 (a) menunjukkan bahawa responden daripada SMU(A) dan SMK(A) adalah mudah untuk datang ke sekolah dengan masa yang terancang.

4.2(b). KAWASAN MANAKAH PELAJAR TINGGAL ?

Berikut adalah jawapan kepada soalan ini :-

Jadual 4.2(b) : Lokasi Tempat Tinggal Pelajar

Bil	Lokasi Tempat Tinggal Pelajar	SMU(A)	SMK(A)
		N : 60	n : 60
1	Dalam bandar	3.3% (2)	0.0% (0)
2	Pinggir bandar	16.7% (10)	16.7% (10)
3	Pekan	0.0% (0)	26.8% (16)
4	Kampung	76.6% (46)	50.0% (36)
5	Pendalaman	3.3% (2)	6.6% (4)

Dalam jadual 4.2(b), 76.7% daripada pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan bahawa mereka tinggal di kampung, 3.3% daripada mereka menyatakan tinggal di pendalaman. Sejumlah 3.3% yang lain menyatakan tinggal di dalam bandar dan 16.7% lagi menyatakan tinggal di pinggir bandar. Ini bermakna 79.9% pelajar yang diselidiki di SMU(A) (76.6% menyatakan tinggal di kampung dan 3.3% menyatakan tinggal di pendalaman) adalah tinggal di luar bandar. Penyelidik dapati lokasi tempat tinggal pelajar SMU(A) dengan sekolah bukanlah faktor mereka pilih sekolah kerana sekolah mereka juga berada di luar bandar.

Pelajar SMK(A) yang diselidiki pula menyatakan bahawa mereka tinggal di kampung 50.0%, pendalaman 6.6%, pinggir bandar 16.7% dan pekan 26.7%. Data-data ini menunjukkan bahawa 50.0% pelajar SMK(A) yang diselidiki yang menyatakan

tinggal di kampung adalah tinggal hampir dengan sekolah kerana lokasi sekolah ini juga berada di tempat tinggal mereka iaitu di kampung mereka. Berdasarkan data-data dalam jadual 4.2(b), penyelidik dapati lokasi tempat tinggal pelajar SMK(A) dengan sekolah bukanlah faktor mereka pilih sekolah kerana majoriti mereka tinggal hampir dengan sekolah.

4.2(c) JARAK ANTARA RUMAH PELAJAR DENGAN SEKOLAH ?

Mengenai jarak antara rumah pelajar SMU(A) dan pelajar SMK(A) yang diselidiki dengan sekolah, penyelidik mendapat data-data seperti berikut :-

Jadual 4.2(c) : Jarak antara Rumah Pelajar Dengan Sekolah

Bil	Jarak Rumah Pelajar Dengan Sekolah	SMU(A) n : 60	SMK(A) n : 60
1	Kurang daripada 2 kilometer	41.7% (25)	18.3% (11)
2	2 Kilometer	21.7% (13)	20.0% (12)
3	3 Kilometer	13.3% (8)	5.0% (3)
4	4 Kilometer	8.3% (5)	20.0% (12)
5	5 Kilometer atau lebih	15.0% (9)	36.7% (22)

Berdasarkan jadual 4.2(c), pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan jarak rumah mereka dengan sekolah adalah 1 kilometer atau kurang (41.7%), 2 kilometer (21.7%), 3 kilometer (13.3%), 4 kilometer (8.3%) dan 5 kilometer atau lebih (15.0%). Melalui jadual ini penyelidik dapati jumlah peratusan pelajar SMU(A) yang diselidiki

menyatakan jarak rumah mereka dengan sekolah kurang daripada 2 kilometer (14.7%) dan 2 kilometer (21.7%) ialah 63.4%. Data ini menunjukkan bahawa pelajar SMU(A) yang diselidiki ini adalah tinggal berhampiran dengan sekolah.

Pelajar SMK(A) yang diselidiki pula menyatakan jarak antara rumah mereka dengan sekolah adalah kurang daripada 2 kilometer (18.3%), 2 kilometer (20.0%), 3 kilometer (5.0%), 4 kilometer (20.0%) dan 5 kilometer atau lebih (36.7%). Penyelidik dapati jumlah peratusan di kalangan pelajar SMK(A) yang diselidiki menyatakan jarak antara rumah mereka dengan sekolah 4 kilometer (20.0%) dan 5 kilometer atau lebih (36.7%) ialah 56.7%. Data ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar ini tinggal jauh dengan sekolah mereka.

Kesimpulannya, data-data menunjukkan bahawa majoriti pelajar SMU(A) yang diselidiki (63.4%) adalah tinggal hampir dengan sekolah iaitu dalam lingkungan 2 kilometer dari sekolah. Manakala data-data yang penyelidik perolehi daripada pelajar SMK(A) yang diselidiki menunjukkan bahawa majoriti daripada daripada mereka tinggal jauh dari sekolah iaitu 56.7% tinggal 4 kilometer atau lebih dari sekolah. Jarak yang jauh ini berkemungkinan menjadi faktor mereka lewat datang ke sekolah dan melanggari peraturan sekolah.

4.2(d). PELAJAR TINGGAL BERSAMA SIAPA ?

Jadual yang berikutnya iaitu jadual 4.2(d) yang menganalisiskan tentang pelajar SMU(A) dan pelajar SMK(A) yang diselidiki tinggal bersama siapa.

Jadual 4.2(d) : Pelajar Tinggal Bersama Siapa.

Bil	Pelajar Tinggal Bersama Siapa	SMU(A)	SMK(A)
		n : 60	n : 60
1	Ibu dan bapa	85.0% (51)	91.6% (55)
2	Ibu	11.7% (7)	5.0% (3)
3	Bapa	0.0% (0)	1.7% (1)
4	Datuk/Nenek	0.0% (0)	0.0% (0)
5	Saudara/Penjaga	3.3% (2)	1.7% (1)

Data-data yang penyelidik perolehi menunjukkan bahawa majoriti daripada pelajar yang diselidiki di SMU(A) iaitu 85.0% dan majoriti daripada pelajar yang diselidiki di SMK(A) iaitu 91.6% menyatakan bahawa mereka tinggal bersama ibu dan bapa.

Ini bermakna majoriti daripada responden yang diselidiki di kedua-dua buah sekolah ini adalah tinggal bersama ibu dan bapa berbanding tinggal bersama ibu, bapa atau saudara/penjaga.

4.3 JENIS-JENIS SALAH LAKU PELAJAR

Di bawah tajuk jenis-jenis salah laku pelajar ini, soalan-soalan yang ingin diselidiki oleh penyelidik adalah seperti berikut :-

- i. Apakah jenis-jenis salah laku pelajar yang terdapat di SMU(A) ?
- ii. Apakah jenis-jenis salah laku pelajar yang terdapat di SMK(A) ?

Untuk menjawab soalan-soalan ini, penyelidik telah memperolehi data-data sebagaimana yang terdapat dalam jadual 4.3(i) dan jadual 4.3(ii) seperti berikut :-

Jadual 4.3(i) : Jenis-Jenis Salah Laku Pelajar Yang Terdapat Di SMU(A) n : 60

Jenis-jenis salah laku pelajar	Tidak pernah berlaku	Kadang-kadang berlaku	Kerap berlaku
Memeras ugut	81.6% (49)	16.7% (10)	1.7% (1)
Menjadi anggota kumpulan jahat	100.0% (60)	0.0% (0)	0.0% (0)
Terlibat dengan dadah	100.0% (60)	0.0% (0)	0.0% (0)
Berjudi	96.7% (58)	3.3% (2)	0.0% (0)
Mencuri	53.3% (32)	46.7% (28)	0.0% (0)
Memukul guru/pengawas/pelajar	80.0% (48)	20.0% (12)	0.0% (0)
Bergaduh dan berlawan	31.7% (19)	55.0% (33)	13.3% (8)
Melawan Guru	65.0% (39)	36.0% (18)	5.0% (4)
Membuli pelajar	60.0% (36)	33.3% (20)	6.7% (4)
Membaca/menunjuk/menyebarkan bahan lucah	76.7% (46)	23.3% (14)	0.0% (0)
Mengintai pelajar perempuan	71.7% (43)	23.3% (14)	5.0% (3)
Bercumbu	98.3% (59)	1.7% (1)	0.0% (0)
Menggunakan kata-kata lucah	50.0% (30)	38.3% (23)	11.7% (7)
Melukis/menulis gambar/perkataan lucah	70.0% (42)	26.6% (16)	3.4% (2)
Merosakkan harta benda sekolah	46.7% (28)	43.3% (26)	10.0% (6)
Mencemarkan kebersihan dan bangunan sekolah	31.75 (19)	55.0% (33)	13.3% (8)
Membuat bising dan mengganggu kelas	16.7% (10)	41.6% (25)	41.7% (25)
Berbahasa kasar dan mencarut	46.6% (28)	40.0% (24)	13.0% (8)
Tidak menghormati guru/pengawas	35.0% (21)	48.3% (29)	16.7% (10)
Merokok	30.0% (18)	43.3% (26)	26.7% (16)
Meniru dalam ujian/peperiksaan	15.0% (9)	56.7% (34)	28.3% (17)
Meniru tandatangan ibu bapa	45.0% (27)	48.3% (29)	6.7% (4)
Bercakap bohong	18.3% (11)	60.0% (36)	21.7% (13)
Mengubali markah	81.7% (49)	11.7% (7)	6.6% (4)
Ponteng sekolah	25.0% (15)	55.0% (33)	20.0% (12)
Ponteng kelas	31.7% (19)	53.4% (32)	14.9% (9)
Ponteng solat jamaah di sekolah	71.7% (43)	24.9% (15)	3.4% (2)
Selalu lewat ke sekolah/kelas	13.4% (8)	43.3% (26)	43.3% (26)
Pelajar lelaki berambut panjang	18.3% (11)	65.1% (39)	16.6% (20)
Pelajar perempuan berkuku panjang	50.0% (30)	43.3% (26)	6.7% (4)
Tidak memberi perhatian semasa guru mengajar	13.4% (8)	43.3% (26)	43.3% (26)
Tidak menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru	20.0% (12)	56.7% (34)	23.3% (14)

Melalui jadual 4.3(i), peratusan responden yang menyatakan jenis-jenis salah laku kadang-kadang berlaku adalah 50.0% atau lebih menunjukkan bahawa jenis-jenis salah laku berkenaan adalah sebenarnya berlaku di SMU(A).

Jadual 4.3(ii) : Jenis-Jenis Salah Laku Pelajar Yang Terdapat Di SMK(A) n : 60

Jenis-jenis salah laku pelajar	Tidak pernah berlaku	Kadang-kadang berlaku	Kerap berlaku
Memeras ugut	93.3% (56)	6.7% (4)	0.0% (0)
Menjadi anggota kumpulan jahat	93.3% (56)	6.7% (4)	0.0% (0)
Terlibat dengan dadah	98.3% (59)	1.7% (1)	0.0% (0)
Berjudi	100.0% (0)	0.0% (0)	0.0% (0)
Mencuri	53.4% (32)	46.6% (28)	0.0% (0)
Menukul guru/pengawas/pelajar	80.0% (48)	20.0% (12)	0.0% (0)
Bergaduh dan ber berlawan	50.0% (30)	48.3% (29)	1.7% (1)
Melawan Guru	86.75 (52)	13.35 (8)	0.0% (0)
Membuli pelajar	60.0% (36)	36.7% (22)	3.3% (2)
Membaca/menunjuk/menyebarkan bahan lucah	83.3% (50)	16.7% (10)	0.0% (0)
Mengintai pelajar perempuan	91.7% (55)	8.3% (5)	0.0% (0)
Bercumbu	96.7% (58)	3.3% (2)	0.0% (0)
Menggunakan kata-kata lucah	43.4% (26)	50.0% (30)	6.6% (4)
Melukis/mewnulis gambar/perkataan lucah	55.0% (33)	41.6% (25)	3.4% (2)
Merosakkan harta benda sekolah	43.3% (26)	50.0% (30)	6.7% (4)
Mencemarkan kebersihan dan bangunan sekolah	31.7% (19)	45.0% (27)	23.3% (14)
Membuat bising dan mengganggu kelas	11.7% (7)	55.0% (33)	33.3% (20)
Berbahasa kasar dan mencarut	38.3% (23)	50.0% (30)	11.7% (7)
Tidak menghormati guru/pengawas	43.3% (26)	48.3% (29)	8.4% (5)
Merokok	51.6% (31)	43.4% (26)	5.0% (3)
Meniru dalam ujian/peperiksaan	26.7% (16)	56.7% (34)	16.6% (10)
Meniru tandatangan ibu bapa	51.7% (31)	40.05 (24)	8.3% (5)
Bercakap bohong	21.7% (13)	56.7% (34)	21.6% (13)
Mengubah markah	76.6% (46)	20.0% (12)	3.4% (2)
Ponteng sekolah	31.75 (19)	48.3% (29)	20.0 (12)
Ponteng kelas	35.0% (21)	50.0% (30)	15.0% (9)
Ponteng solat jamaah di sekolah	23.4% (14)	55.0% (33)	21.6% (13)
Selalu lewat ke sekolah/kelas	23.3% (14)	50.0% (30)	26.7% (16)
Pelajar lelaki berambut panjang	35.0% (21)	46.7% (28)	18.3% (11)
Pelajar perempuan berkuku panjang	76.6% (46)	18.4% (11)	5.0% (3)
Tidak memberi perhatian semasa guru mengajar	11.7% (7)	64.9% (39)	23.4% (14)
Tidak menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru	16.7% (10)	65.0% (39)	18.3% (11)

Melalui jadual 4.3(ii), peratusan responden yang menyatakan jenis-jenis salah laku kadang-kadang berlaku adalah 50.0% atau lebih menunjukkan bahawa jenis-jenis salah laku berkenaan adalah sebenarnya berlaku di SMK(A).

Daripada jadual 4.3(i) dan jadual 4.3(ii) 32 jenis salah laku yang diselidiki di SMU(A) dan SMK(A) ini dapat diklasifikasikan kepada 9 tingkah laku berikut :-

- a) Tingkah laku jenayah.
- b) Tingkah laku lucah.
- c) Tingkah laku musnah.
- d) Tingkah laku tidak sopan.
- e) Tingkah laku tidak jujur.
- f) Tingkah laku ponteng.
- g) Tingkah laku tidak pentingkan masa.
- h) Tingkah laku tiada kekemasan diri.
- i) Tingkah laku cuai terhadap pelajaran.

4.3(a) TINGKAH LAKU JENAYAH

Melalui penyelidikan ini, penyelidik telah mendapat maklumat-maklumat tentang tingkah laku jenayah di SMU(A) dan di SMK(A) seperti berikut:-

Jadual 4.3(a) : Tingkah Laku Jenayah

Sekolah	Tidak Pernah Berlaku	Kadang-Kadang Berlaku	Kerap Berlaku
SMU(A) N : 60	75.0% (45)	23.3% (14)	1.7% (1)
SMK(A) N : 60	80.0% (48)	20.0% (12)	0.0% (0)

Menurut pendapat pelajar SMU(A) yang menjadi responden dalam penyelidikan ini, 75.0% daripada mereka menyatakan bahawa tingkah laku jenayah tidak pernah berlaku di sekolah ini. Manakala di SMK(A) pula data-data menunjukkan 80.0% daripada pelajar yang diselidiki menyatakan tingkah laku jenayah tidak pernah berlaku di sekolah ini.

Kesimpulannya kedua-dua buah sekolah adalah bebas daripada ancaman tingkah laku jenayah.

4.3(b) TINGKAH LAKU LUCAH

Melalui penyelidikan ini, penyelidik telah mendapat maklumat-maklumat tentang tingkah laku lucah di SMU(A) dan di SMK(A) adalah seperti berikut:-

Jadual 4.3(b) : Tingkah Laku Lucah

Sekolah	Tidak Pernah Berlaku	Kadang-Kadang Berlaku	Kerap Berlaku
SMU(A) N : 60	73.4% (44)	23.3% (14)	3.3% (2)
SMK(A) N : 60	75.0% (45)	23.3% (45)	1.7% (1)

Menurut pendapat pelajar SMU(A) yang menjadi responden dalam penyelidikan ini, 73.4% daripada mereka menyatakan tingkah laku lucah tidak pernah berlaku di sekolah ini. Data-data ini membuktikan bahawa tingkah laku lucah tidak wujud di sekolah ini.

Manakala di SMK(A), data-data menunjukkan bahawa 75.0% daripada pelajar yang diselidiki menyatakan tingkah laku lucah tidak pernah berlaku di sekolah ini.

Kesimpulannya, kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini adalah bebas daripada tingkah laku lucah.

4.3(c) TINGKAH LAKU MUSNAH

Mengenai tingkah laku musnah di SMU(A) dan di SMK(A) penyelidik memperolehi data-data seperti berikut:-

Jadual 4.3(c) : Tingkah Laku Musnah

Sekolah	Tidak Pernah Berlaku	Kadang-Kadang Berlaku	Kerap Berlaku
SMU(A) n : 60	38.3% (23)	50.0% (30)	11.7% (7)
SMK(A) n : 60	36.7% (22)	48.3% (29)	15.0% (9)

Mengenai kekerapan berlakunya musnah di sekolah, 50.0% daripada pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan di sekolah mereka kadang-kadang berlaku kes-kes jenis ini. Manakala 11.7% daripada mereka menyatakan tingkah laku musnah kerap berlaku. Ini bermakna 61.7% daripada mereka mengesahkan bahawa tingkah laku musnah memang berlaku di sekolah mereka.

Di SMK(A) pula 48.3% daripada pelajar yang diselidiki menyatakan tingkah laku Musnah ini kadang-kadang berlaku manakala 15.0% daripada mereka menyatakan kerap berlaku. Ini bermakna 63.3% daripada mereka mengatakan bahawa tingkah laku musnah memang berlaku di sekolah mereka.

Berdasarkan data-data yang ditunjukkan dalam jadual 4.3(c), masalah tingkah laku musnah ini 2.0% lebih berat berlaku di SMK(A) berbanding di SMU(A).

Ia juga membuktikan bahawa tingkah laku musnah adalah sesuatu yang di luar jangkaan umum yang beranggapan bahawa pelajar-pelajar sekolah menengah agama bebas daripada kes-kes seperti ini. Ianya menunjukkan wujudnya kecenderungan pelajar-pelajar sekolah menengah agama untuk melakukan tingkah laku musnah sama seperti kecenderungan pelajar-pelajar sekolah menengah bukan beraliran agama.

4.3(d) TINGKAH LAKU TIDAK SOPAN

Setelah menganalisiskan data-data berkaitan dengan tingkah laku tidak sopan di SMU(A) dan di SMK(A), penyelidik telah mendapat data-data seperti berikut:-

Jadual 4.3(d) : Tingkah Laku Tidak Sopan

Sekolah	Tidak Pernah Berlaku	Kadang-Kadang Berlaku	Kerap Berlaku
SMU(A) n : 60	31.8% (19)	43.9% (26)	25.0% (15)
SMK(A) n : 60	35.0% (21)	50.0% (30)	15.0% (9)

Mengenai masalah tingkah laku tidak sopan, penyelidik mendapati 43.9% daripada pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan ianya kadang-kadang berlaku di sekolah ini. Manakala 25.0% lagi menyatakan bahawa ianya kerap berlaku di sekolah mereka. Ini bermakna 68.9% daripada pelajar yang diselidiki di SMU(A) mengesahkan bahawa tingkah laku tidak sopan memang wujud di sekolah mereka.

Manakala di SMK(A) pula, penyelidik mendapati 50.0% daripada pelajar yang diselidiki menyatakan masalah tingkah laku tidak sopan ini kadang-kadang berlaku di sekolah mereka ini. Sejumlah 15.0% lagi menyatakan masalah ini kerap berlaku. Ini

bermakna 65.0% daripada pelajar yang diselidiki di SMK(A) mengesahkan bahawa masalah tingkah laku tidak sopan ini memang wujud di SMK(A).

Data-data ini juga menunjukkan bahawa masalah ini lebih berat berlaku di SMU(A) sebanyak 3.9% berbanding dengan SMK(A).

4.3(e) TINGKAH LAKU TIDAK JUJUR

Setelah menganalisiskan data-data berkaitan dengan tingkah laku tidak jujur di SMU(A) dan di SMK(A), penyelidik dapati data-data seperti berikut:-

Jadual 4.3(e) : Tingkah Laku Tidak Jujur

Sekolah	Tidak Pernah Berlaku	Kadang-Kadang Berlaku	Kerap Berlaku
SMU(A) n : 60	40.0% (24)	43.3% (26)	16.7% (10)
SMK(A) n : 60	43.3% (26)	43.3% (26)	13.4% (8)

Berdasarkan jadual 4.3(e) ini, penyelidik dapati 43.3% daripada pelajar di SMU(A) yang diselidiki menyatakan bahawa tingkah laku tidak jujur ini kadang-kadang berlaku, manakala 16.7% daripada kalangan pelajar yang diselidiki menyatakan kerap berlaku. Ini bermakna 60.0% daripada pelajar yang diselidiki mengesahkan bahawa tingkah laku tidak jujur memang wujud di kalangan pelajar sekolah ini.

Di SMK(A) pula 43.3% daripada pelajar yang diselidiki menyatakan bahawa tingkah laku tidak jujur kadang-kadang berlaku. Manakala 13.4% daripada pelajar yang diselidiki lagi menyatakan tingkah laku tidak jujur ini kerap berlaku. Ini bermakna

56.7% daripada pelajar SMK(A) yang diselidiki mengesahkan bahawa tingkah laku tidak jujur di kalangan pelajar memang berlaku di SMK(A).

Data-data di dalam jadual 4.3 (e) mengesahkan bahawa masalah tingkah laku tidak jujur ini lebih ketara berlaku di SMU(A) (sebanyak 3.3% berbanding di SMK(A)).

4.3(f) TINGKAH LAKU PONTENG

Mengenai tingkah laku ponteng di SMU(A) dan di SMK(A), penyelidik memperolehi data-data seperti berikut:-

Jadual 4.3(f) : Tingkah Laku Ponteng

Sekolah	Tidak Pernah Berlaku	Kadang-Kadang Berlaku	Kerap Berlaku
SMU(A) n : 60	43.3% (26)	45.0% (27)	11.7% (7)
SMK(A) n : 60	30.0% (18)	51.7% (31)	18.3% (11)

Berdasarkan jadual 4.3(f), penyelidik dapat 45.0% daripada pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan bahawa tingkah laku ponteng ini kadang-kadang berlaku. Manakala 11.7% lagi menyatakan ianya kerap berlaku. Ini bermakna 56.7% daripada pelajar yang diselidiki di SMU(A) mengesahkan bahawa tingkah laku ponteng memang berlaku di sekolah ini.

Jadual 4.3(f) juga menunjukkan bahawa 51.7% daripada pelajar SMK(A) yang diselidiki menyatakan tingkah laku ponteng kadang-kadang berlaku. Manakala 18.3% lagi menyatakan ianya kerap berlaku. Ini bermakna 70.0% daripada pelajar di SMK(A)

yang diselidiki mengesahkan bahawa tingkah laku ponteng ini memang berlaku di sekolah ini.

Data-data ini juga menunjukkan bahawa tingkah laku ponteng lebih banyak berlaku di SMK(A) iaitu 28.3% berbanding di SMU(A). Merujuk kepada jadual 4.2(a), penyelidik dapati data-data yang menunjukkan bahawa 21.7% responden di kalangan pelajar SMK(A) datang ke sekolah dengan bas sekolah berbanding 13.3% responden di kalangan pelajar SMU(A) yang datang ke sekolah dengan bas sekolah. Data-data ini menunjukkan bahawa 8.4% lebih ramai responden di kalangan pelajar SMK(A) yang datang ke sekolah dengan bas sekolah berbanding dengan responden di kalangan pelajar SMU(A) dan ianya boleh mempengaruhi tingkah laku ponteng lebih banyak berlaku di SMK(A) berbanding dengan SMU(A).

Merujuk kepada jadual 4.2(c), penyelidik dapati 56.7% responden di kalangan pelajar SMK(A) yang tinggal jauh dengan sekolah iaitu 4 kilometer (20.0%) dan 5 kilometer atau lebih (36.7%) berbanding 23.3% responden di kalangan pelajar SMU(A) yang tinggal jauh dengan sekolah iaitu 4 kilometer (8.3%) dan 5 kilometer atau lebih (15.0%). Data-data ini menunjukkan bahawa 33.4% lebih ramai responden di kalangan pelajar SMK(A) tinggal jauh dengan sekolah berbanding dengan responden di kalangan pelajar SMU(A) dan ianya boleh mempengaruhi tingkah laku pontang lebih banyak berlaku di SMK(A) berbanding dengan SMU(A).

4.3(g) TINGKAH LAKU TIDAK PENTINGKAN MASA

Mengenai tingkah laku tidak pentingkan masa di SMU(A) dan di SMK(A), penyelidik dapati data-datanya adalah seperti berikut:-

Jadual 4.3(g) : Tingkah Laku Tidak Pentingkan Masa

Sekolah	Tidak Pernah Berlaku	Kadang-Kadang berlaku	Kerap Berlaku
SMU(A) n : 60	13.4% (8)	43.3% (26)	43.3% (26)
SMK(A) n : 60	23.3% (14)	50.0% (30)	26.7% (16)

Jadual 4.3(g) menunjukkan bahawa 43.3% pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan tingkah laku tidak pentingkan masa kadang-kadang berlaku. Manakala 43.3% daripada mereka pula menyatakan ianya kerap berlaku. Ini bermakna 86.6% daripada pelajar yang diselidiki di SMU(A) mengesahkan bahawa tingkah laku tidak pentingkan masa ini benar-benar berlaku di SMU(A).

Jadual 4.3(g) juga menunjukkan bahawa 50.0% daripada pelajar SMK(A) yang diselidiki menyatakan tingkah laku tidak pentingkan masa kadang-kadang berlaku. Manakala 26.7% lagi menyatakan ianya kerap berlaku. Ini bermakna 76.7% daripada pelajar yang diselidiki di SMK(A) mengesahkan bahawa tingkah laku tidak pentingkan masa ini memang berlaku di SMK(A).

Data-data ini juga membuktikan bahawa masalah tingkah laku tidak pentingkan masa amat kelara di SMU(A) iaitu 10.0% berbanding dengan SMK(A) daripada segi tingkah laku yang sama.

4.3(h) TINGKAH LAKU TIADA KEKEMASAN DIRI

Selelah menganalisiskan data-data berkaitan dengan tingkah laku tiada kekemasan diri di SMU(A) dan di SMK(A), penyelidik dapati data-data seperti berikut:-

Jadual 4.3(h) : Tingkah Laku Tiada Kekemasan Diri

Sekolah	Tidak Pernah Berlaku	Kadang-Kadang berlaku	Kerap Berlaku
SMU(A) n : 60	33.3% (20)	55.0% (33)	11.7% (7)
SMK(A) n : 60	56.7% (34)	31.6% (19)	11.7% (7)

Jadual 4.3(h) menunjukkan bahawa 55.0% pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan tingkah laku tiada kekemasan diri kadang-kadang berlaku. Manakala 11.7% daripada mereka pula menyatakan ianya kerap berlaku. Ini bermakna 66.7% daripada pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan bahawa tingkah laku tiada kekemasan diri ini memang berlaku di SMU(A).

Manakala di SMK(A), penyelidik mendapati 31.6% daripada pelajar yang diselidiki menyatakan bahawa tingkah laku tiada kekemasan diri ini kadang-kadang berlaku dan 11.7% lain menyatakan kerap berlaku. Ini bermakna 43.3% daripada pelajar SMK(A) yang diselidiki menyatakan bahawa tingkah laku tiada kekemasan diri ini memang berlaku di sekolah mereka.

Data-data ini juga menunjukkan bahawa tingkah laku tiada kekemasan diri lebih ketara berlaku di SMU(A) iaitu sebanyak 23.4% berbanding di SMK(A). Melalui kajian rekod, penyelidik dapati pelajar yang berambut panjang, memakai kasut sukan, tidak berstokin, menggunakan tali kasut berwarna hitam dan tidak memasukkan baju ke dalam seluar diambil tindakan oleh pengawas dengan hanya mencatatkan nama mereka dalam buku catatan pengawas berbandingkan dengan kesalahan-kesalahan yang sama di SMK(A) di mana pengawas SMK(A) mengambil tindakan dengan mencatatkan nama

pelajar yang terlibat dengan salah laku tiada kekemasan diri ini dan dilaporkan kepada Guru Disiplin untuk tindakan seterusnya. Data-data ini menunjukkan bahawa pelajar SMU(A) yang terlibat dengan salah laku tiada kekemasan diri tidak diambil tindakan oleh pihak guru dan ianya lebih banyak mempengaruhi tingkah laku tiada kekemasan diri di SMU(A) berbandingkan dengan di SMK(A).

4.3(i) TINGKAH LAKU CUAI TERHADAP PELAJARAN

Tingkah laku cuai terhadap pelajaran yang dimaksudkan ialah tidak memberi perhatian semasa guru mengajar dan tidak menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru. Setelah menganalisiskan data-data berkaitan dengan tingkah laku cuai terhadap pelajaran di SMU(A) dan di SMK(A), penyelidik dapati data-datanya adalah seperti berikut:-

Jadual 4.3(i) : Tingkah Laku Cuai Terhadap Pelajaran

Sekolah	Tidak Pernah Berlaku	Kadang-Kadang Berlaku	Kerap Berlaku
SMU(A) n : 60	16.6% (10)	55.0% (33)	28.4% (17)
SMK(A) n : 60	15.0% (9)	65.0% (39)	20.0% (12)

Jadual 4.3(i) menunjukkan bahawa 55.0% daripada pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan tingkah laku cuai terhadap pelajaran kadang-kadang berlaku. Manakala 28.4% daripada mereka pula menyatakan ianya kerap berlaku. Ini bermakna 83.4% daipada pelajar yang diselidiki di SMU(A) mengesahkan bahawa tingkah laku cuai terhadap pelajaran ini benar-benar berlaku di SMU(A).

Jadual 4.3(i) juga menunjukkan bahawa 65.0% daripada pelajar SMK(A) yang diselidiki menyatakan tingkah laku cuai terhadap pelajaran kadang-kadang berlaku. Manakala 20.0% lagi menyatakan ianya kerap berlaku. Ini menunjukkan bahawa 85.0% daripada pelajar yang diselidiki di SMK(A) mengesahkan bahawa tingkah laku cuai terhadap pelajaran memang berlaku di sekolah ini.

Data-data ini juga menunjukkan bahawa tingkah laku cuai terhadap pelajaran lebih ketara di SMK(A) berbanding di SMU(A) iaitu sebanyak 1.6%.

4.4 FAKTOR-FAKTOR SALAH LAKU

Dalam bahagian ini penyelidik berusaha menganalisiskan faktor-faktor salah laku yang terdapat di SMU(A) dan diSMK(A) melalui penyelidikan yang telah dibuat di kedua-dua buah sekolah ini. Faktor-faktor ini dibahagikan kepada tiga bahagian berikut:-

- a) Faktor mengapakah pelajar-pelajar susah hendak mentaati peraturan sekolah.
- b) Faktor yang mendorong pelajar melakukan salah laku.
- c) Faktor mengapakah seseorang pelajar yang pernah dihukum masih melanggari peraturan sekolah.

4.4(a) FAKTOR MENGAPAKAH PELAJAR-PELAJAR SUSAH HENDAK MENTAATI PERATURAN SEKOLAH.

Penyelidik dapat mengenal pasti 2 faktor utama mengapakah pelajar susah hendak mentaati peraturan-peraturan di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki. Faktor itu ialah faktor yang berpunca daripada pelajar dan faktor yang berpunca daripada guru. Faktor-faktor ini diuraikan dalam jadual 4.4(a) seperti berikut :-

Jadual 4.4(a) : Faktor Mengapakah seseorang Pelajar Susah Mentaati Peraturan Sekolah.

Bil	Faktor Seseorang Pelajar Susah	SMU(A)	SMK(A)
	Hendak Mentaati Peraturan Sekolah	n : 60	n : 60
1	Pelajar tidak saham apa yang dikehendaki oleh peraturan sekolah	40.0% (24)	45.0% (27)
2	Pelajar-pelajar lain melanggarinya	23.3% (14)	13.3% (8)
3	Undang-undang sekolah tidak sesuai dengan citarasa pelajar sekarang	21.7% (13)	16.7% (10)
4	Undang-undang sekolah guru yang buat	0.0% (0)	3.3% (2)
5	Guru tidak memahami masalah/kehendak pelajar	15.0% (9)	21.7% (13)

Data-data daripada jadual 4.4 (a) menunjukkan bahawa 63.3% daripada pelajar SMU(A) yang diselidiki berpendapat bahawa faktor mengapakah pelajar-pelajar susah hendak mentaati peraturan sekolah ini berpunca daripada kelemahan pelajar itu sendiri (40.0%) tidak saham undang-undang sekolah, 23.3% terpengaruh dengan sikap negatif kawan-kawan mereka sendiri).

Manakala 36.7% pelajar lagi menyatakan faktor mengapakah pelajar-pelajar susah hendak mentaati peraturan sekolah ini berpunca daripada kelemahan guru (21.7% berpendapat undang-undang yang digubalkan oleh guru tidak sesuai dengan pelajar,

manakala 15.0% lagi menyatakan bahawa guru tidak memahami kehendak-kehendak pelajar dan pelajar menerima layanan yang tidak sesuai dengan mereka).

Di SMK(A) pula kenyataan yang hampir sama berlaku di SMU(A), cuma peratusannya didapati rendah sedikit. Sejumlah 58.3% daripada pelajar SMK(A) yang diselidiki menyatakan faktor mengapa pelajar susah hendak mentaati peraturan sekolah adalah berpunca daripada kelemahan pelajar itu sendiri (45.0% disebabkan pelajar tidak faham peraturan sekolah dan 13.3% lagi kerana pelajar terpengaruh dengan tingkah laku rakan-rakan mereka). Hanya 41.7% daripada pelajar yang diselidiki ini menyatakan faktor ini berpunca daripada guru (3.3% disebabkan undang-undang sekolah guru yang gubal, 16.7% menyatakan undang-undang sekolah tidak sesuai dengan citarasa pelajar dan 21.7% menyatakan guru jahil tentang masalah/kehendak pelajar).

Data-data yang penyelidik perolehi daripada kedua-dua buah sekolah ini membuktikan bahawa faktor yang berpunca daripada pelajar adalah lebih kuat daripada faktor yang berpunca daripada guru yang menyebabkan pelajar susah hendak mentaati peraturan sekolah di kedua-dua buah sekolah ini dan pelajar SMU(A) yang diselidiki lebih ramai berpendapat sedemikian iaitu 4.0% berbanding pelajar yang diselidiki di SMK(A).

Dalam hal ini, Jones (1980) menyatakan bahawa :

"young people are seeking to develop a self- identity and to clarify their personal relationships and responsibilities" (m. s. 13).

Teori yang dikemukakan oleh Jones (1980) ini menyatakan bahawa reaksi yang lahir daripada pelajar itu adalah disebabkan mereka sedang mencari peluang jati diri dan untuk memahami lebih jelas lagi hubungan peribadi mereka dan tanggungjawab mereka dengan orang lain.

4.4(b) FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR MELAKUKAN SALAH LAKU

Melalui soal selidik yang diedarkan kepada 60 orang responden di SMU(A) dan 60 orang responden di SMK(A), penyelidik memperolehi data-data seperti berikut :-

Jadual 4.4(b) : Faktor Yang Mendorong Pelajar Melakukan Salah Laku

Bil	Faktor Yang Mendorong Pelajar Melakukan Salah Laku	SMU(A) n : 60	SMK(A) n : 60
1	Kemiskinan keluarga	0.0% (0)	0.0% (0)
2	Kurang perhatian ibu bapa	15.0% (9)	6.7% (4)
3	Proses pembelajaran tingkah laku ibu bapa yang negatif	1.7% (1)	0.0% (0)
4	Pengaruh genetik	0.0% (0)	0.0% (0)
5	Proses pembelajaran melalui rakan sebaya	61.7% (37)	73.2% (44)
6	Hubungan guru dengan pelajar tidak akrab	3.3% (2)	6.7% (4)
7	Peraturan sekolah dilaksanakan dengan tidak konsisten	3.3% (2)	6.7% (4)
8	Peraturan sekolah bersifat mendera	0.0% (0)	1.7% (1)
9	Tiada pendapat	15.0% (9)	5.0% (3)

Daripada semua faktor yang telah ditanya kepada responden, faktor proses pembelajaran melalui rakan sebaya lebih adalah mempunyai kadar peratus yang paling tinggi mendorong pelajar melakukan salah laku di mana 61.7% daripada responden di

SMU(A) dan 73.2% responden di SMK(A) mengesahkan demikian. Faktor-faktor lain adalah kurang mendorong pelajar melakukan salah laku kerana kurang daripada 20.0% responden yang menyatakan bahawa faktor-faktor ini mempengaruhi pelajar melakukan salah laku.

Jones (1980) menyatakan bahawa :

"peer interactions are likely to replace school achievements as an area in which these students can gain attention and experience success" (m. s. 15).

Teori yang dikemukakan oleh Jones (1980) ini menyatakan bahawa pelajar lebih mementingkan kawan daripada pencapaian akademik kerana kawan memberikan perhatian dan pengalaman berjaya sedangkan pencapaian akademik di sekolah tidak memberikan perhatian kepada mereka dan tidak memberikan pengalaman berjaya bagi mereka.

**4.4(c) FAKTOR MENGAPAKAH SESEORANG PELAJAR YANG PERNAH
DIHUKUM MELANGGARI SEMULA PELANGGARAN PERATURAN
SEKOLAH**

Melalui soal selidik yang diedarkan kepada 60 orang responden di SMU(A) dan 60 orang respondensi SMK(A), penyelidik memperolehi data-data seperti berikut :-

Jadual 4.4(b) : Faktor Mengapakah Seseorang Pelajar Yang Pernah Dihukum Masih Mengulangi Semula Pelanggaran Peraturan Sekolah

Bil	Faktor Mengapakah Pelajar Yang Pernah Dihukum Masih Melanggari Peraturan Sekolah	SMU(A) n : 60	SMK(A) n : 60
1	Tidak puas hati dengan hukuman yang dikenakan	10.0% (6)	8.3% (5)
2	Pelajar itu terlalu dipengaruhi ego sendiri.	33.3% (20)	28.3% (17)
3	Dipengaruhi kawan-kawan	25.0% (15)	23.3% (14)
4	Inginkan perhatian.	5.0% (3)	1.7% (1)
5	Pelajar merasakan mereka sudah dewasa dan tidak perlu ikut peraturan	20.0% (12)	36.7% (22)
6	Pelajar dibesarkan dalam suasana yang tidak mentaati peraturan	6.7% (4)	1.7% (1)

Dalam jadual 4.4(c), penyelidik mendapati faktor dalam diri pelajar adalah lebih kuat mempengaruhi seseorang pelajar yang pernah dihukum masih mengulangi salah laku di mana 53.3% daripada pelajar SMU(A) yang diselidiki menyatakan demikian (Pelajar dipengaruhi oleh ego sendiri 33.3% dan pelajar merasakan mereka sudah dewasa dan tidak perlu ikut peraturan 20.0%).

Faktor-faktor lain adalah kurang relevan kerana faktor tidak puas hati dengan hukuman yang dikenakan 10.0%, faktor dipengaruhi kawan-kawan 25.0%, faktor inginkan perhatian 1.7% dan faktor pelajar dibesarkan dalam suasana yang tidak mentaati peraturan 6.7%.

Di SMK(A) pula, faktor dalaman diri pelajar juga merupakan faktor yang lebih kuat mempengaruhi seseorang pelajar yang pernah dihukum masih mengulangi semula salah laku mereka di mana 65.0% daripada pelajar SMK(A) yang diselidiki menyatakan demikian (pelajar dipengaruhi ego sendiri 28.3% dan pelajar merasakan mereka sudah dewasa dan tidak perlu ikut peraturan 36.7%).

Faktor-faktor lain di SMK(A) juga kurang relevan kerana faktor tidak puas hati dengan hukuman yang dikenakan 8.3%, faktor dipengaruhi kawan-kawan 23.3%, faktor inginkan perhatian 1.7% dan faktor pelajar dibesarkan dalam suasana yang tidak mentaati peraturan 1.7%.

Merujuk kepada jadual 4.4(a), jadual 4.4(b) dan jadual 4.4(c), penyelidik dapati masalah salah laku yang timbul di kalangan pelajar di SMU(A) dan pelajar di SMK(A) adalah kerana akibat daripada perkembangan diri mereka sendiri yang berlaku secara semula jadi. Situasi ini sesuai dengan teori Neilsen (1996) dan Coleman (1961) yang menyatakan bahawa para remaja mengalami perkembangan jasmani, perkembangan emosi, perkembangan rohani, perkembangan intelektual dan perkembangan sosial secara semula jadi. Dalam memperkatakan masalah ini, kita tidak boleh mengkategorikan tingkah laku itu sebagai salah kerana mereka yang berada dalam lingkungan umur antara 13 tahun hingga 19 tahun adalah golongan remaja yang mengalami tekanan akibat

daripada perkembangan diri mereka secara semula jadi sebagaimana yang dinyatakan oleh Nielsen dan Coleman tadi.

Situasi ini juga bersesuaian dengan teori Jones (1980) yang menyatakan bahawa tindak balas remaja itu lahir disebabkan empat perkara iaitu :-

- a) *A natural response to developmental task.*
- b) *Practicing new cognitive skills.*
- c) *Developing a personal identity.*
- d) *Establishing mutually satisfying relationships.*

(m. s. 13-15).

4.5 FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR MELAKUKAN SALAH LAKU YANG DIPEROLEHI MELALUI KAEDAH PEMERHATIAN

Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian adalah untuk mendapatkan gambaran semasa tentang faktor-faktor yang mendorong pelajar melakukan salah laku yang berlaku di SMU(A) dan di SMK(A). Data-data yang penyelidik perolehi dalam kaedah ini adalah digunakan sebagai pengukuran kepada data-data yang penyelidik perolehi melalui kaedah soal selidik dan kaedah kajian rekod. Faktor-faktor yang mendorong pelajar melakukan salah laku yang penyelidik perolehi melalui kaedah pemerhatian ini ialah :-

- a) Faktor yang mendorongkan pelajar SMU(A) lebih melakukan tingkah laku tidak sopan berbanding pelajar SMK(A).
- b) Faktor yang mendorongkan pelajar SMU(A) lebih melakukan tingkah laku tidak pentingkan masa berbanding pelajar SMK(A).
- c) Faktor yang mendorongkan pelajar SMK(A) lebih melakukan tingkah laku musnah berbanding pelajar SMU(A).
- d) Faktor yang mendorongkan pelajar SMK(A) lebih melakukan tingkah laku cuai terhadap pelajaran berbanding pelajar SMU(A).

**4.5 (a) FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR SMU(A) LEBIH
MELAKUKAN TINGKAH LAKU TIDAK SOPAN BERBANDING
PELAJAR SMK(A)**

Data-data yang penyelidik perolehi dalam jadual 4.3 (d) pada halaman 75 menunjukkan bahawa masalah tingkah laku tidak sopan lebih berat berlaku di SMU(A) sebanyak 3.9% berbanding dengan SMK(A).

Melalui pemerhatian, penyelidik dapati guru SMU(A) selalu berbual-bual dengan suara yang kuat di kantin dan dalam bilik Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) sehingga dapat didengari pada jarak 500 meter berbanding guru SMK(A) yang hanya berbual dengan suara perlahan di kantin dan di dalam bilik guru. Penyelidik juga dapati guru lelaki SMU(A) selalu merokok di dalam bilik SPBT yang dapat dikesan bau asap rokok di kaki lima bilik SPBT berbanding apa yang penyelidik dapati di SMK(A) di mana gurunya tidak didapati merokok di sekolah. Kedua-dua faktor ini boleh mempengaruhi tingkah laku tidak sopan pelajar-pelajar SMU(A) lebih berat berbanding di SMK(A).

**4.5 (b) FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR SMU(A) LEBIH
MELAKUKAN TINGKAH LAKU TIDAK PENTINGKAN MASA
BERBANDING PELAJAR SMK(A)**

Data-data dalam jadual 4.3 (g) pada halaman 79 membuktikan bahawa masalah tingkah laku tidak pentingkan masa amat ketara di SMU(A) iaitu 10.0% berbanding dengan SMK(A) daripada segi tingkah laku yang sama.

Melalui pemerhatian, penyelidik dapati setiap hari terdapat guru SMU(A) yang datang lewat ke sekolah terutama pada 29hb. Julai, 1998 di mana penyelidik dapati Pengetua SMU(A) datang lewat 1 minit, Guru HEM dan Guru Disiplin lewat 2 minit

berbanding dengan SMK(A) di mana penyelidik dapati kadang-kadang terdapat guru SMK(A) yang datang lewat ke sekolah. Penyelidik juga dapati Pengetua, Guru Kanan Pentadbiran, Guru Kanan HEM dan Guru Disiplin di SMK(A) tidak pernah datang lewat ke sekolah. Data-data ini juga menunjukkan bahawa faktor yang berpunca daripada guru datang lewat ke sekolah mempengaruhi tingkah laku tidak pentingkan masa di kalangan pelajar dan ianya lebih kuat mempengaruhi pelajar di SMU(A) berbanding dengan di SMK(A).

Penyelidik juga dapati setiap hari majoriti guru SMU(A) lewat memasuki kelas untuk mengajar berbanding dengan guru di SMK(A) di mana penyelidik dapati kadang-kadang guru SMK(A) lewat memasuki kelas untuk mengajar. Faktor guru lewat memasuki kelas untuk mengajar ini juga mempengaruhi tingkah laku tidak pentingkan masa di kalangan pelajar dan ianya lebih kuat mempengaruhi pelajar di SMU(A) berbanding pelajar di SMK(A).

4.5 (c)FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR SMK(A) LEBIH MELAKUKAN TINGKAH LAKU MUSNAH BERBANDING PELAJAR SMU(A)

Data-data yang penyelidik perolehi dalam jadual 4.3 (c) pada halaman 74 menunjukkan bahawa tingkah laku musnah adalah 2.0% lebih berat berlaku di SMK(A) berbanding di SMU(A).

Melalui kaedah pemerhatian penyelidik dapati kawasan sekolah SMK(A) adalah lebih luas daripada kawasan sekolah SMU(A). Kelas-kelas yang lemah di SMK(A) berada jauh dari pejabat sekolah dan bilik guru berbandingkan dengan SMU(A) di mana kelas yang lemah berada dekat dengan pejabat sekolah dan bilik guru. Penyelidik juga dapati sebahagian daripada pelajar lelaki SMK(A) makan di kantin pada waktu rehat dan

sebahagian pelajar lelaki lagi makan di bawah pokok berhampiran kantin berbanding dengan SMU(A) di mana semua pelajar lelaki dan semua pelajar perempuan hanya makan di kantin pada waktu rehat. Ketiga-tiga faktor ini boleh mempengaruhi tingkah laku musnah pelajar-pelajar di SMK(A) lebih berat berbanding SMU(A).

4.5 (d) FAKTOR YANG MEDORONG PELAJAR SMK(A) LEBIH MELAKUKAN TINGKAH LAKU CUAI TERHADAP PELAJARAN BERBANDING PELAJAR SMU(A)

Data-data yang penyelidik perolehi dalam jadual 4.3 (i) pada halaman 81 menunjukkan bahawa tingkah laku cuai terhadap pelajaran lebih ketara di SMK(A) berbanding di SMU(A) iaitu sebanyak 1.6%.

Penyelidik telah membuat pemerhatian di dalam bilik darjah semasa guru mengajar ke atas 6 orang guru di SMU(A) dan di SMK(A) dengan mata pelajaran yang berbeza. Pemerhatian dibuat ke atas kaedah pengajaran guru, respon pelajar kepada pelajaran yang diajar dan reaksi pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku. Daripada pemerhatian di dalam bilik darjah ini, penyelidik dapati 5 orang daripada 6 orang guru SMK(A) mengajar dengan teknik syaran yang berbentuk satu hala, tiada set induksi dan tiada kawalan kelas. Pelajar SMK(A) yang diperhatikan semasa pengajaran dan pembelajaran berlaku berada dalam keadaan yang pasif dan menunjukkan reaksi yang membosankan dengan membuat kerja-kerja lain semasa guru mengajar seperti bercakap-cakap sesama mereka, menjeling, mènumpang dagu, bermain jari, ketawa kecil, memandang ke luar kelas, menggesekkan kaki ke lantai dan memutarkan ball pen di jari.

Melalui pemerhatian di dalam bilik darjah semasa guru mengajar di SMU(A) pula, penyelidik dapati 4 daripada 6 orang guru yang diperhatikan berjaya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dengan melibatkan pelajar sepanjang pengajaran dan pembelajaran berlaku. Pelajar sentiasa mengambil bahagian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dengan menjawab soalan-soalan lisan yang ditujukan kepada mereka dan bercerita dengan berpandukan teks. Pelajar juga diberikan tugas untuk mereka mengulangkaji di rumah dan diberikan tarikh untuk mereka menghantarkan tugas itu.

Daripada pemerhatian di dalam bilik darjah semasa guru mengajar di SMK(A), penyelidik dapati kaedah pengajaran guru yang lemah, kawalan kelas yang lemah serta kurang perhatian guru kepada pelajar dan tiada tugas yang diberikan kepada pelajar berbanding di SMU(A). Kelemahan-kelemahan guru SMK(A) di dalam bilik darjah ini lebih mempengaruhi pelajar dalam tingkah laku cuai terhadap pelajaran di SMK(A) berbanding di SMU(A).

4.6 RUMUSAN

Data-data yang penyelidik dapati dalam jenis-jenis salah laku ini menunjukkan bahawa kedua-dua buah sekolah yang diselidiki adalah bebas daripada tingkah laku jenayah dan tingkah laku lucuh tetapi tidak pada tujuh tingkah laku yang lain.

Penyelidik dapati empat masalah tingkah laku yang lebih banyak berlaku di SMU(A) berbanding di SMK(A) iaitu tingkah laku tidak sopan (3.9%), tingkah laku tidak jujur (3.3%), tingkah laku tidak pentingkan masa (10.0%) dan tingkah laku kekemasan diri (23.4%). Penyelidik juga dapati tiga masalah tingkah laku yang lebih banyak berlaku

di SMK(A) berbanding di SMU(A) iaitu tingkah laku musnah (2.0%), tingkah laku ponteng (28.3%) dan tingkah laku cuai terhadap pelajaran (1.6%).

Faktor-faktor salah laku yang penyelidik dapati di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini adalah banyak berpunca dari sekolah. Faktor-faktor di luar sekolah adalah kurang mempengaruhi pelajar di SMU(A) dan pelajar di SMK(A) dalam kes-kes pelanggaran peraturan sekolah.

4.7 STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU

Dalam bahagian ini penyelidik membuat kajian sama ada pihak Sekolah Menengah Ugama (Arab) Taqaddum Ma’arif, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan [SMU(A)] dan pihak Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Melor, Padang Raja, Kota Bharu, Kelantan [SMK(A)] menggunakan atau tidak menggunakan strategi-strategi kawalan salah laku yang dinyatakan dalam bab kedua penyelidikan ini atau kedua-dua buah sekolah menengah ini mengamalkan strategi yang berlainan daripada strategi yang dinyatakan ini.

Strategi-strategi yang telah dinyatakan dalam bab kedua ialah:-

- a) Melantik pengawas di kalangan pelajar.
- b) Mengenakan hukuman dera.
- c) Membuat perjanjian tidak akan menimbulkan konflik di antara pelajar dengan sekolah.
- d) Menggunakan perkhidmatan ahli-ahli psikologi.
- e) Membuat penyelidikan ke atas sebab-sebab timbulnya reaksi pelajar.
- f) Melibatkan pelajar merangka peraturan sekolah.

- g) Melibatkan ibu bapa dalam aktiviti sekolah terutama pencegahan salah laku pelajar.
- h) Proses pengajaran pembelajaran yang berkesan.
- i) Penerapan peraturan-peraturan sekolah kepada pelajar melalui buku garis panduan.
- j) Penerapan ciri-ciri penting keguruan kepada guru.

4.8 STRATEGI-STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU DALAM BAB KEDUA YANG DIGUNAKAN OLEH SMU(A)

Berdasarkan kajian rekod, penyelidik dapati lima daripada sepuluh strategi yang penyelidik kemukakan dalam bab kedua digunakan oleh SMU(A) dan lima lagi tidak digunakan.

Strategi-strategi yang digunakan itu adalah seperti berikut :-

4.8(a) Melantik Pengawas Di Kalangan Pelajar.

Pelajar SMU(A) yang menjadi pengawas ini dilantik oleh guru mereka berdasarkan kriteria pelajar yang cemerlang dalam pencapaian akademik. Guru-guru juga menilai sahsiah pelajar yang baik untuk dilantik menjadi pengawas.

Daripada kajian rekod yang penyelidik jalankan, penyelidik dapati jumlah pengawas di SMU(A) adalah seramai 33 orang. Jumlah dan tugas pengawas di SMU(A) adalah seperti berikut :-

Jadual 4.8(a)i : Jumlah Pengawas Lelaki dan Perempuan SMU(A)
Berdasarkan Pembahagian Tugas

Bil	Pembahagian Tugas	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	Unit sebaran am	3	2	5
2	Unit kebersihan	3	3	6
3	Unit tatatertib	3	4	7
4	Unit kantin	2	5	7
5	Unit kesalahan –dalaman	3	2	5
6	Unit kesalahan –luaran	1	2	3
7	Jumlah	15	18	33

Data-data di dalam jadual 4.8 (a) i menunjukkan bahawa 33 orang pengawas SMU(A) telah dibahagikan tugas mereka secara bertulis iaitu unit sebaran am (5 orang), unit kebersihan (6 orang), unit tatatertib (7 orang), unit kantin (7 orang), unit keselamatan - dalaman (5 orang), dan unit keselamatan – luaran (3 orang).

Hasil daripada kajian rekod, penyelidik dapati pengawas SMU(A) ada membuat catatan melalui Buku Catatan Pengawas tentang kesalahan-kesalahan pelajar. Jumlah kes berdasarkan kesalahan yang pengawas ini catat ialah seperti berikut :-

Jadual 4.8(a)ii : Jumlah Kes Berdasarkan Kesalahan Yang Dicatatkan Oleh Pengawas SMU(A)

Bil	Kesalahan Yang Dicatatkan Oleh Pengawas SMU(A)	Jumlah kes
1	Tidak hadir ke sekolah	48
2	Masuk tandas dengan kasut sekolah – Tidak menggunakan terompah yang disediakan	1
3	Mengintai pelajar perempuan	4
4	Datang lewat	22
5	Pelajar lelaki berambut panjang	26
6	Merokok di musolla	2
7	Memiliki mercun	1
8	Kecurian duit	2

Jadual 4.8(a)ii menunjukkan bahawa jumlah kes berdasarkan kesalahan yang dicatatkan oleh pengawas SMU(A) ialah tidak hadir ke sekolah (48), masuk tandas dengan kasut sekolah - tidak menggunakan terompah yang disediakan (1), mengintai pelajar perempuan (4), datang lewat (22), pelajar lelaki berambut panjang (26), meroko di musolla (2), memiliki mercun (1) dan kecurian duit (2).

b) Mengenakan Hukuman Dera.

ipada kajian rekod yang penyelidik jalankan, penyelidik dapati jenis-jenis hukuman
1 yang dilakukan oleh guru-guru SMU(A) serta kekerapan nya adalah seperti berikut:-

Ijadual 4.8(a) : Kekerapan Tindakan Berdasarkan Jenis Hukuman Dera Di SMU(A)

Bil	Jenis Hukuman Dera	Kekerapan
1	Rotan	3 kali
2	Pukul dengan pembaris	1 kali
3	Potong rambut	2 kali
4	Berdiri di luar kelas	2 kali
5	Berdiri di atas kerusi di luar kelas	1 kali
6	Berdiri di atas kerusi di dalam kelas	1 kali

Melalui kajian rekod, penyelidik dapati kuasa merotan pelajar yang melakukan
ah laku adalah kuasa pengetua dan ianya telah diberikan kepada guru penolong kanan
stadbiran, guru kanan HEM dan guru disiplin. Kenyataan ini dibuat dalam Mesyuarat
ru Kali Pertama tanpa memberikan surat penurunan kuasa merotan. Penyelidik tidak
ndapati sebarang kenyataan mengenai kuasa mengenakan hukuman dera yang lain
erikan kepada guru-guru. Daripada pemerhatian yang dijalankan, penyelidik dapati
cuman dera selain daripada merotan yang guru-guru kenakan adalah daripada inisiatif
ru itu sendiri dalam tindakan untuk mengawal kelas, tindakan untuk memastikan
lajar membuat tugas yang diberikan oleh guru dan tindakan untuk memastikan

pelajar sentiasa kemas semasa berada di sekolah. Jenis hukuman dera yang dikenakan ke atas pelajar oleh seseorang guru berbeza-beza dengan jenis hukuman dera yang dikenakan ke atas pelajar oleh guru yang lain menyebabkan pelajar beranggapan hukuman dera yang mereka jalani itu bukan daripada peraturan sekolah dan mereka tidak akur dengannya.

4.8(c) Membuat Perjanjian Di Antara Pelajar Dengan Sekolah.

Melalui kajian rekod, penyelidik dapati pihak sekolah telah membuat surat perjanjian bertulis antara pelajar dengan sekolah. Setiap orang pelajar perlu menuliskan nama, nombor kad pengenalan, menurunkan tandatangan dan menuliskan tarikh perjanjian dibuat.

Perjanjian ini dibuat untuk menentukan bahawa setiap orang pelajar membaca dan memahami segala peraturan yang terdapat dalam Buku Panduan Peraturan Disiplin Sekolah. Ia juga bertujuan agar pelajar mengaku kesediaan mereka mematuhi peraturan sekolah serta bersedia menerima segala tindakan yang akan dikenakan oleh pihak sekolah jika mereka melanggar peraturan sekolah.

Surat perjanjian ini dimuatkan pada muka surat ke-16 dalam Buku Panduan Peraturan Disiplin sekolah. Surat perjanjian ini adalah seperti berikut:-

PENGAKUAN PELAJAR

Bahawasanya saya: _____

No. K/P: _____ murid SMU(A) Taqaddum Maarif,

Terusan Limbat, Pasir Tumbuh, Kota Bharu **telah membaca dan memahami**
segala peraturan-peraturan yang terkandong dalam buku ini.

Dengan ini saya mengaku akan mematuhi peraturan-peraturan tersebut dan bersedia menerima segala tindakan yang akan dikenakan oleh pihak sekolah jika saya didapati melanggar peraturan-peraturan tersebut.

Tandatangan Pelajar

(_____)

Tarikh: _____

Penyelidik dapat di dalam surat perjanjian ini **tiada ruang tandatangan untuk**
pengetua atau guru untuk mewakili pihak sekolah. Perjanjian ini adalah berat sebelah
kerana pelajar diminta bejanji untuk mematuhi peraturan sekolah dan bersedia menerima
segala tindakan daripada pihak sekolah jika mereka didapati melanggar peraturan sekolah
sedangkan tiada perjanjian daripada pihak guru.

4.8(d) Penerapan Peraturan-Peraturan Sekolah Kepada Pelajar Melalui Buku

Garis Panduan.

Melalui kajian rekod, penyelidik dapat di pihak sekolah SMU(A) ada mengamalkan strategi kawalan salah laku pelajar melalui penerapan peraturan-peraturan sekolah kepada pelajar melalui Buku Garis Peraturan Disiplin Sekolah. Setiap orang pelajar yang belajar di SMU(A) dihendaki memiliki buku ini dan kebiasaan mereka dikehendaki membelinya pada peringkat awal mereka berdaftar di SMU(A).

Penyelidik dapat di dalam Buku Garis Panduan Peraturan Disiplin Sekolah ini dinyatakan secara bertulis tentang peraturan-peraturan seperti berikut:-

- 1) Kehadiran.
- 2) Pakaian seragam.
- 3) Rambut pelajar lelaki.
- 4) Yuran, harta benda dan buku teks.
- 5) Peraturan khusus.
- 6) Kebersihan.
- 7) Ujian dan peperiksaan.
- 8) Kegiatan ko-kurikulum.
- 9) Peribadi.
- 10) Cuti/rawatan.
- 11) Yuran/derma.
- 12) Kebakaran.
- 13) Pemegang biasiswa.
- 14) Kawasan larangan.

- 15) Perkara-perkara am.
- 16) Tatatertib di luar kawasan sekolah.
- 17) Tingkah laku tidak sopan.
- 18) Kesalahan berat.
- 19) Kesalahan sederhana.
- 20) Kesalahan ringan.
- 21) Kesalahan-kesalahan yang tidak disebut.
- 22) Hukuman dan denda.

Melalui kajian rekod yang penyelidik jalankan, penyelidik dapati peraturan-peraturan ini dinyatakan secara jelas dan bertulis.

4.8(e) Membuat Penyelidikan Ke Atas Sebab Timbulnya Reaksi Pelajar.

Melalui kajian rekod, kesalahan yang diselidiki oleh pihak sekolah ini ialah kes kecurian duit iaitu sebanyak 2 kes kecurian yang penyelidik perolehi melalui kajian rekod. Rekod penyelidikan kes kecurian yang pertama ialah pada 16hb. Julai, 1998 melibatkan seorang pelajar perempuan tingkatan 5B dengan jumlah wang yang hilang sebanyak RM 2.00.

Setelah diselidiki, pelajar ini diminta mengantikan wang yang hilang itu. Rekod penyelidikan kes kecurian yang kedua ialah pada 19hb. Julai, 1998 melibatkan seorang pelajar perempuan tingkatan 5B dengan jumlah wang yang hilang sebanyak RM 24.00.

Setelah diselidiki, pelajar ini diminta mengantikannya.

Penyelidik tidak mendapati rekod tentang kes-kes lain yang diselidiki oleh pihak sekolah selain daripada dua kes kecurian ini.

4.9 STRATEGI-STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU DALAM BAB KEDUA YANG TIDAK DIGUNAKAN OLEH SMU(A)

Sebanyak lima strategi yang penyelidik telah kemukakan dalam bab kedua yang tidak digunakan oleh SMU(A). Strategi-strategi itu adalah seperti berikut :-

- i. Menggunakan perkhidmatan ahli psikologi.
- ii. Melibatkan pelajar merangka peraturan sekolah.
- iii. Proses pengajaran pembelajaran yang berkesan.
- iv. Penerapan ciri-ciri penting keguruan kepada guru.
- v. Melibatkan ibu bapa dalam aktiviti sekolah.

4.10 STRATEGI-STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU YANG DIGUNAKAN OLEH SMU(A) SELAIN DARIPADA SEPULUH STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU DALAM BAB KEDUA

Melalui penyelidikan ke atas rekod-rekod di SMU(A), penyelidik dapati bahawa strategi kawalan salah laku yang digunakan di SMU(A) yang tidak disenaraikan dalam strategi kawalan salah laku pada bab kedua adalah seperti berikut:-

4.10(a) Mengadakan Khemah Ibadah/*Qiamullail*.

Melalui kajian rekod, penyelidik dapati program khemah ibadat ini diadakan pada bulan September, 1998 untuk pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Program ini dilaksanakan pada waktu malam di surau sekolah dengan mengadakan solat tasbih, solat hajat dan bermunajat kepada Allah. Program ini merupakan program kaunseling kelompok dan bercorak indoktrinasi kepada pelajar yang terlibat.

4.10 (b) Menghantar Pelajar Mengikuti Kursus Bimbingan Akademik.

Penyelidik dapati pihak sekolah SMU(A) menghantar pelajar mengikuti kursus bimbingan akademik. Pihak sekolah menganjurkan kursus menjawab soalan secara terbuka kepada pelajar-pelajar tingkatan 5 yang juga merupakan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia sekolah-sekolah di sekitar Kota Bharu, Kelantan dengan mengenakan bayaran pendaftaran kepada setiap pelajar yang berminat untuk menyertai kursus. Walau bagaimanapun semua pelajar tingkatan 5 SMU(A) dibenarkan menyertainya secara percuma kerana mereka merupakan pihak pengangur kursus.

Melalui buku atur cara kursus, penyelidik dapati kursus ini diadakan selama 2 hari di SMU(A) dengan aktiviti ceramah dan bengkel strategi menjawab soalan-soalan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Penglibatan pelajar dalam kursus ini membantu meningkatkan motivasi mereka dalam pencapaian akademik dan memberikan kehadiran mereka ke sekolah lebih bermakna kepada mereka.

4.11 STRATEGI-STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU DALAM BAB

KEDUA YANG DIGUNAKAN OLEH SMK(A)

Berdasarkan kajian ke atas rekod di SMK(A), penyelidik dapati tiga daripada sepuluh strategi yang penyelidik kemukakan dalam bab kedua digunakan oleh SMK(A) dan lima lagi tidak digunakan.

Tiga strategi yang digunakan itu adalah seperti berikut :-

4.11(a) Melantik Pengawas Di kalangan Pelajar.

Pelajar SMK(A) yang menjadi pengawas ini dilantik oleh guru mereka berdasarkan kriteria pelajar yang cemerlang dalam pencapaian akademik. Guru-guru juga menilai sahsiah pelajar yang baik untuk dilantik menjadi pengawas.

Daripada kajian rekod yang penyelidik jalankan, penyelidik dapati jumlah pengawas di SMK(A) adalah seramai 38 orang iaitu 13 orang pengawas lelaki dan 25 orang pengawas perempuan. Penyelidik juga mendapati aktiviti mingguan pengawas dicataatkan seperti berikut :-

Jadual 4.11(a)i : Bilangan Pengawas Terlibat Dengan Aktiviti Mingguan

Bil	Aktiviti Mingguan	Bilangan Pengawas
1	Menaik dan menurunkan bendera	3 orang
2	Mencatat pelajar lewat ke sekolah di pintu utama	4 orang
3	Mengawal pelajar di kantin semasa rehat	4 orang
4	Berdoa dan pengacara perhimpunan	2 orang
5	Mengawal garaj	4 orang

Jadual 4.11 (a)i menunjukkan bahawa 17 orang pengawas dinyatakan tugas mereka secara bertulis iaitu menaikkan bendera (3 orang), mencatat pelajar lewat ke sekolah di pintu utama (4 orang, mengawal pelajar di kantin semasa rehat (4 orang), berdoa dan pengacara perhimpunan (2 orang) dan mengawal garaj (4 orang). Penyelidik tidak mendapati kenyataan tugas secara bertulis bagi 21 orang pengawas yang lain.

I hasil daripada kajian rekod, penyelidik dapat pengawas SMK(A) ada membuat catatan melalui Buku Catatan Pengawas tentang kesalahan-kesalahan pelajar. Jumlah kes berdasarkan kesalahan-kesalahan yang pengawas ini ialah :-

Jadual 4.11 (a)ii : Jumlah Kes Berdasarkan Jenis Salah Laku Yang Dicatatkan Oleh Pengawas SMK(A)

Bil	Kesalahan Yang Dicatatkan Oleh Pengawas SMK(A)	Jumlah Kes
1	Tidak hadir ke sekolah	34
2	Ponteng perhimpunan mingguan	7
3	Pelajar lelaki berambut panjang	15
4	Datang lewat ke sekolah	91
5	Tidak memakai lencana sekolah	1
6	Tidak memakai stokin	2
7	Tidak memakai tali leher	7
8	Berselipar	7
9	Menunggang motor dalam kawasan sekolah	11
10	Menconteng pakaian seragam sekolah	5
11	Memakai kasut berwarna hitam	1

Jadual 4.11 (a)ii menunjukkan bahawa jenis salah laku pelajar SMK(A) yang melebihi sepuluh kes ialah datang lewat ke sekolah (91 kes), tidak hadir sekolah (38 kes), pelajar lelaki berambut panjang (15 kes) dan menunggang motor dalam kawasan sekolah (11 kes) berbanding ponteng perhimpunan mingguan (7 kes), tidak memakai lencana sekolah (1 kes), tidak memakai stokin (2 kes), tidak memakai tali leher (7 kes), berselipar (7 kes), menconteng pakaian seragam sekolah (5 kes) dan memakai kasut berwarna hitam (1 kes).

4.11(b) Mengenakan Hukuman Dera.

Daripada kajian rekod yang penyelidik jalankan, penyelidik dapati jenis-jenis hukuman dera yang dilakukan oleh guru-guru SMK(A) serta kekerapannya adalah seperti berikut:-

Jadual 4.11(b) : Jumlah Pelajar Terlibat Berdasarkan Jenis Hukuman Dera Di SMK(A)

Bil	Jenis Hukuman Dera	Jumlah Pelajar
1	Potong rambut	8 orang
2	Pungut sampah di kawasan sekolah	15 orang

Jadual 4.11(b) ini menunjukkan bahawa 8 orang pelajar di SMK(A) telah dikenakan hukuman dera (potong rambut) dan 15 orang lagi dikenakan hukuman dera (pungut sampah di kawasan sekolah).

4.11(c) Penerapan Peraturan-Peraturan Sekolah Kepada Pelajar Melalui Buku Garis Panduan.

Melalui kajian rekod, penyelidik dapati pihak sekolah SMK(A) ada mengamalkan strategi kawalan salah laku pelajar melalui penerapan peraturan-peraturan sekolah kepada pelajar. Peraturan-peraturan ini dimuatkan dalam Buku Peraturan Sekolah. Setiap orang pelajar yang belajar di SMK(A) dihendaki memiliki buku ini dan kebiasaan mereka dikehendaki membelinya pada peringkat awal mereka berdaftar di SMK(A).

Penyelidik dapati di dalam Buku Peraturan Sekolah ini dinyatakan secara bertulis tentang peraturan-peraturan seperti berikut:-

- 1) Kehadiran sekolah/kelas.
- 2) Pakaian seragam.

- 3) Potongan rambut.
- 4) Hak (harta benda) dan yuran sekolah.
- 5) Tatasusila.
- 6) Peraturan khusus.
- 7) Amalan/ibadat.
- 8) Ujian/peperiksaan.
- 9) Kegiatan ko-kurikulum.
- 10) Kenderaan/lalulintas.
- 11) Lawatan.
- 12) Kebersihan.
- 13) Tatatertib di luar kawasan sekolah.
- 14) Kesalahan-kesalahan berat.
- 15) Perkara-perkara am.

Melalui kajian rekod yang penyelidik jalankan, peraturan-peraturan ini dinyatakan secara jelas dan bertulis, tetapi melalui pemerhatian, penyelidik dapat ianya tidak berkesan mengawal salah laku pelajar kerana buku ini hanya berada dalam

simpanan pelajar dan tidak pernah dibuat rujukan apabila didapati pelajar melakukan salah laku atau sebelum pelajar berkenaan dihukum atas kesalahan mereka. Ini adalah salah satu faktor menyebabkan kepatuhan kepada peraturan sekolah di kalangan pelajar di SMK(A) lemah.

4.12 STRATEGI-STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU DALAM BAB KEDUA YANG TIDAK DIGUNAKAN OLEH SMK(A)

Sebanyak enam strategi daripada sepuluh startegi yang penyelidik telah kemukakan dalam bab kedua yang tidak digunakan oleh SMK(A). Strategi-strategi itu adalah seperti berikut :-

- i. Melibatkan pelajar merangka peraturan sekolah.
- ii. Membuat penyelidikan ke atas sebab timbulnya reaksi pelajar.
- iii. Proses pengajaran pembelajaran yang berkesan.
- iv. Penerapan ciri-ciri penting keguruan kepada guru.
- v. Membuat perjanjian tidak akan menimbulkan konflik di antara pelajar dengan sekolah.
- vi. Melibatkan ibu bapa dalam aktiviti sekolah.

4.13 STRATEGI-STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU YANG DIGUNAKAN OLEH SMK(A) SELAIN DARIPADA SEPULUH STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU DALAM BAB KEDUA

Melalui kajian ke atas kajian rekod di SMK(A), penyelidik dapati satu strategi kawalan salah laku yang digunakan di SMK(A) yang tidak disenaraikan dalam strategi kawalan salah laku pada bab kedua adalah seperti berikut:-

4.13(a) Mengadakan Kem Ibadat/Qiamullail Di Sekolah.

Melalui kajian rekod, penyelidik dapati program khemah ibadat ini diadakan pada bulan September, 1998 untuk pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Program ini dilaksanakan pada waktu malam di surau sekolah dengan mengadakan solat tasbih, solat hajat dan bermunajat kepada Allah. Program ini merupakan program kaunseling kelompok dan bercorak indoktrinasi kepada pelajar yang terlibat.

Penyelidik mendapati hanya satu strategi kawalan salah laku yang digunakan di SMK(A) yang tidak disenaraikan dalam strategi kawalan salah laku pada bab kedua direkodkan oleh SMK(A).

4.14 KEBERKESANAN STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU YANG DIPEROLEHII MELALUI KAEDAH PEMERHATIAN

Daripada strategi-strategi kawalan salah laku yang penyelidik selidiki, terdapat beberapa strategi yang berkesan untuk mengawal salah laku pelajar dan terdapat juga strategi kawalan salah laku pelajar yang tidak berkesan untuk mengawal salah laku pelajar.

Berdasarkan pemerhatian, penyelidik dapati kes-kes salah laku terjadi setiap hari dan ada yang diulangi oleh pelajar yang sama.

4.14(a) KEBERKESANAN STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU DI SMU(A) YANG DIPEROLEHII MELALUI PEMERHATIAN

Strategi kawalan salah laku di SMU(A) adalah kurang berkesan. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, setiap hari pelajar menimbulkan salah laku seperti datang lewat ke sekolah, tidak memakai lencana, tidak berstokin, bising dalam kelas, berkeliaran di koridor, berambut panjang dan tidak hadir sekolah.

Walaupun pihak sekolah SMU(A) menggunakan lima daripada sepuluh strategi yang penyelidik kemukakan dalam bab kedua dan ditambahkan lagi dua strategi kawalan salah laku selain daripada strategi –strategi yang penyelidik kemukakan dalam bab kedua namun ianya masih kurang berkesan.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik, strategi kawalan salah laku ini kurang berkesan kerana guru sendiri tidak mematuhi peraturan sekolah yang telah ditetapkan. Contohnya pada 26hb, Julai, 1998 guru disiplin tiba di sekolah sebelas minit selepas loceng dibunyikan tanda masa persekolahan bermula dan diikuti seorang guru lelaki empat minit kemudian. Pada 29hb. Julai, 1998 penyelidik masih dapati guru yang tiba di

sekolah selepas loceng pertama dibunyikan (Pengetua satu minit, Guru Hal Ehwal Murid dua minit dan guru disiplin dua minit).

Guru tidak menunjukkan teladan yang baik kepada pelajar mereka sendiri dengan tingkah laku guru yang datang lewat ke sekolah. Pembelajaran sosial negatif ini menyebabkan pelajar beranggapan bahawa datang lewat ke sekolah itu bukanlah suatu kesalahan kerana guru-guru juga datang lewat ke sekolah.

Melalui pemerhatian penyelidik di SMU(A) juga setiap hari ada guru yang tidak memasuki kelas untuk mengajar atau memasuki kelas untuk mengajar dengan tidak menepati masa sebenar mengikut jadual peribadi masing-masing. Guru-guru ini biasanya leka berbual di bilik guru, di kantin atau di dalam bilik Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT). Guru-guru ini juga kadang-kadang berbual dengan suara yang kuat dan merokok di dalam bilik SPBT.

4.14(b) KEBERKESANAN STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU DI SMK(A)

YANG DIPEROLEHI MELALUI PEMERHATIAN

Strategi kawalan salah laku di SMK(A) juga kurang berkesan. Tiga strategi yang terlebih dahulu dikaji oleh penyelidik dalam bab kedua diamalkan oleh pihak sekolah SMK(A) dan ditambahkan satu lagi strategi kawalan salah laku selain daripada yang terdapat dalam bab kedua penyelidikan ini. Namun begitu masalah-masalah salah laku masih didapati berlaku di kalangan pelajar seperti datang lewat ke sekolah, berambut panjang dan berfesyen, membuang sampah di merata tempat, memakai tali pinggang tidak ikut ukuran sebenar, bising di dalam kelas, tidak memakai tali leher atau lencana sekolah, bercakap semasa perhimpunan mingguan, ponteng kelas dan tidak hadir ke sekolah.

Masalah-masalah salah laku yang timbul menunjukkan bahawa startegi kawalan salah laku yang diamalkan oleh pihak sekolah SMK(A) kurang berkesan. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, didapati guru-guru sendiri kurang menunjukkan minat untuk mentaati peraturan yang sedia ada di sekolah seperti datang lewat ke sekolah, lewat memasuki kelas, berbual-bual semasa perhimpunan mingguan dan membiarkan masalah salah laku pelajar diuruskan hanya oleh guru disiplin. Keadaan guru yang tidak mematuhi peraturan sekolah dan mengambil tindakan ke atas pelajar dengan tidak konsisten menyebabkan pelajar beranggapan bahawa sesuatu peraturan itu adalah bukan daripada peraturan sekolah tetapi ianya adalah direka oleh guru tertentu.

Melalui pemerhatian, penyelidik dapati pada 3hb. Ogos, 1998 seorang guru lelaki datang ke sekolah pada jam 8.45 pagi dan pada 9hb. Ogos, 1998 seorang guru lelaki dan dua orang guru perempuan sampai di sekolah setelah 5 minit loceng pertama dibunyikan sebagai tanda waktu persekolahan bermula. Pada 9hb. Ogos, 1998 ini juga penyelidik dapati guru lelaki bercakap-cakap sesama mereka semasa guru kanan HEM berucap dalam perhimpunan mingguan. Tingkah laku guru SMK(A) yang penyelidik dapati ini menunjukkan bahawa mereka tidak menjadi model yang baik kepada pelajar mereka.

Penyelidik juga dapati setiap hari ada guru yang lewat memasuki kelas untuk mengajar dan peraturan sekolah dilaksanakan dengan tidak konsisten. Guru-guru membiarkan pelajar yang melakukan salah laku tanpa mengambil sebarang tindakan seperti pada 5hb. Ogos, 1998 seorang pelajar perempuan berkašut sukan berjalan selentang dengan guru-guru yang menuju ke kantin dibiarkan saja tanpa mengambil tindakan sedangkan pada 9hb. Ogos, 1998 guru disiplin menahan 15 orang pelajar lelaki dengan kesalahan yang berbeza seperti tidak memakai stokin dan tidak memakai kasut

sekolah. Pelajar yang ditahan (15 orang) ini telah didenda dengan memungut sampah di kawasan sekolah. Keadaan guru SMK(A) yang penyelidik dapati ini menunjukkan bahawa mereka tidak mematuhi peraturan sekolah dan mengambil tindakan ke atas pelajar dengan tidak konsisten menyebabkan pelajar beranggapan bahawa sesuatu peraturan itu adalah bukan daripada peraturan sekolah tetapi ianya adalah direka oleh guru tertentu.

4.15 STRATEGI KAWALAN SALAH LAKU YANG PALING BERKESAN DI KEDUA-DUA BUAH SEKOLAH YANG DISELIDIKI BERDASARKAN PEMERHATIAN PENYELIDIK

Melalui pemerhatian, penyelidik dapati strategi kawalan salah laku yang paling berkesan di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini ialah :-

- i. Para pelajar hendaklah sentiasa diberikan *tazkirah*/peringatan tentang ciri-ciri kelakuan seorang muslim dan hukum-hukum dalam Islam.
- ii. Semua guru mengambil tindakan segera kepada pelajar yang terlibat dengan salah laku secara konsisen. Tindakan sebegini menunjukkan bahawa peraturan sekolah mesti dipatuhi kerana ianya diambil berat oleh semua guru.
- iii. Semua guru memberikan teladan yang baik kepada pelajar dengan mentaati sepenuhnya peraturan sekolah. Model yang baik daripada semua guru ini memudahkan pelajar mendapat teladan yang baik daripada segi tingkah laku untuk mereka contohi.

- iv. Guru mewujudkan persekitaran yang baik di sekolah dan di dalam bilik darjah. Iklim sekolah yang kondusif membantu minat pelajar kepada sekolah dan menghasilkan minat pelajar kepada pembelajaran di sekolah.
- v. Pihak sekolah menguasakan peraturan sekolah terhadap guru supaya dicontohi oleh pelajar. Ianya membuktikan bahawa peraturan sekolah dilaksanakan secara adil kerana bukan sahaja dikenakan ke atas pelajar tetapi ianya melibatkan guru sendiri yang mesti mentaatinya.
- vi. Penggunaan pengawas yang bermotivasi dan mendapat sokongan daripada semua guru untuk membolehkan mereka menjalankan tugas secara berkesan seperti berani bertindak untuk memastikan peraturan sekolah dipatuhi oleh pelajar.

Aspek-aspek kawalan salah laku berdasarkan pemerhatian penyelidik sepanjang penyelidikan ini dijalankan di SMU(A) dan SMK(A), penyelidik dapat ianya adalah seperti di dalam jadual 4.14 di bawah ini :-

Jadual 4.15(a) : Aspek-Aspek Strategi Kawalan Salah Laku Yang Wujud Di SMU(A) Dan SMK(A) Berdasarkan Pemerhatian Penyelidik

Bil	Aspek-Aspek Strategi Kawalan	SMU(A)	SMK(A)	Tindakan
1	Pengualaan pengawas	Takut bertindak	Berani bertindak	Pengetua
2	Amalan merotan oleh pengetua	Kadang-kadang	Tak pernah	Pengetua
3	Hubungan peribadi antara guru dengan pengetua	Baik	Baik	Pengetua
4	Laporan salah laku pelajar kepada ibu bapa	Kadang-kadang	Hampir tiada	Pengetua
5	Pengawasan sekolah terhadap pelajar bermasalah (kad 001M)	Lemah (berada di meja guru kelas)	Kuat (berada di meja guru HEM)	Pengetua
6	Kekerapan menasihat pelajar	Jarang	Jarang	Pengetua
7	Kekerapan berjumpa ibu bapa	Tak pernah	Tak pernah	Pengetua
8	Mengenali pelajar bermasalah	Sedikit	Ramai	Pengetua
9	Bertugas pagi dan petang	Tak pernah	Jarang	Pengetua
10	Mencari pelajar ponteng	Tak pernah	Tak pernah	Pengetua
11	Kebiasaan di hadapan guru	Mesra	Mesra	Pengetua
12	Corak kepimpinan	Demokratik	Demokratik	Pengetua
13	Jarak penempatan kelas lemah dengan pejabat	Dekat	Jauh	Pengetua
14	Suasana dalam kawasan sekolah	Bising	Senyap	Pengetua
15	Ringkasan isi pelajaran	Kadang-kadang	Kadang-kadang	Guru
16	Guru memperbaiki kaedah pengajaran	Kadang-kadang	Kadang-kadang	Guru
17	Masa rehat guru buat kerja sekolah	Kadang-kadang	Kadang-kadang	Guru
18	Pelajar lembam dipulihkan	Tiada usaha	Tiada usaha	Guru
19	Pergaulan antara guru dengan ibu bapa	Renggang	Renggang	Guru
20	Lambat masuk kelas	Selalu	Selalu	Guru
21	Ponteng daripada mengajar	Kerap berlaku	Jarang berlaku	Guru

Melalui jadual 4.15(a), penyelidik dapat terlalu banyak tindakan yang patut diperbaiki oleh pengetua dan guru untuk meningkatkan keberkesanan kawalan salah laku di SMU(A) dan di SMK(A). Penyelidik juga dapat kawalan salah laku pelajar di SMK(A) lebih baik daripada strategi kawalan salah laku pelajar di SMU(A). Kedudukan ini berbeza kerana kepimpinan pengetua SMK(A) lebih berkualiti daripada kepimpinan pengetua SMU(A). Penyelidik dapat daripada 14 aspek kawalan salah laku yang dinilai ke atas pengetua SMU(A) dan pengetua SMK(A), 8 tindakan pengetua SMK(A) yang positif berbanding 4 tindakan pengetua SMU(A) yang positif.

Tindakan pengetua SMK(A) yang penyelidik dapat ianya positif ialah :-

1. Penguatkuasaan pengawas yang berani bertindak.
2. Tidak pernah merotan pelajar.
3. Hubungan peribadi yang baik antara pengetua dengan guru.
4. Sentiasa mengawasi pelajar bermasalah.
5. Mengenali pelajar bermasalah.
6. Sentiasa mesra di hadapan guru.
7. Corak kepimpinan yang demokratik.
8. Suasana dalam kawasan sekolah berada dalam keadaan senyap.

Tindakan pengetua SMU(A) yang penyelidik dapat ianya positif ialah :-

1. Hubungan peribadi yang baik antara pengetua dengan guru.
2. Sentiasa mesra di hadapan guru.
3. Corak kepimpinan yang demokratik.
4. Menempatkan kelas yang lemah dekat dengan pejabat sekolah.

Melalui jadual 4.15(a) juga, penyelidik dapati semua (7) aspek strategi kawalan salah laku yang dinilai ke atas guru adalah negatif. Guru SMU(A) dan guru SMK(A) hendaklah memperbaiki tindakan mereka pada aspek- aspek yang dinilaikan ke atas mereka itu. Aspek-aspek yang penyelidik maksudkan itu ialah :-

1. Membuat ringkasan terhadap isi pelajaran.
2. Memperbaiki kaedah pengajaran.
3. Membuat kerja-kerja sekolah pada masa rehat.
4. Memulihkan pelajar lembam.
5. Merapatkan pergaulan antara guru dengan ibu bapa.
6. Segera memasuki kelas untuk mengajar.
7. Tidak ponteng daripada mengajar.

4.16 RUMUSAN

Penyelidik telak menyemak strategi-strategi kawalan salah laku di SMU(A) dan di SMK(A) sama ada kedua-dua buah sekolah ini menggunakan atau tidak menggunakan strategi-strategi kawalan salah laku yang dinyatakan dalam bab kedua penyelidikan ini atau kedua-dua buah sekolah menengah ini mengamalkan strategi yang berlainan daripada strategi yang dinyatakan ini.

Data-data yang penyelidik perolehi menunjukkan bahawa SMU(A) telah menggunakan empat strategi kawalan salah laku yang dinyatakan dalam bab kedua penyelidikan ini iaitu melantik pengawas di kalangan pelajar, mengenakan hukuman dera, membuat perjanjian tidak akan menimbulkan konflik di antara pelajar dengan sekolah dan penerapan peraturan-peraturan sekolah kepada pelajar melalui buku garis panduan. Manakala di SMK(A), penyelidik dapati pihak sekolah menggunakan tiga strategi kawalan salah laku yang dinyatakan dalam bab kedua penyelidikan ini iaitu melantik pengawas di kalangan pelajar, menggunakan hukuman dera dan penerapan peraturan-peraturan sekolah kepada pelajar melalui buku garis panduan.

Tentang penggunaan strategi-strategi lain yang tidak dinyatakan dalam bab kedua penyelidikan ini penyelidik dapati bahawa pihak SMU(A) telah menggunakan dua strategi lain iaitu mengadakan khemah ibadat/*qiamullail* dan mengahantar pelajar mengikuti kursus bimbingan akademik. Manakala di SMK(A), penyelidik dapati pihak sekolah menggunakan hanya satu strategi lain iaitu mengadakan kem ibadat/*qiamullail* di sekolah.

Daripada segi keberkesanan strategi kawalan salah laku yang digunakan di SMU(A) dan di SMK(A) pula, penyelidik dapati ianya kurang berkesan kerana setiap

hari pelajar di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini menimbulkan salah laku seperti datang lewat ke sekolah, tidak memakai lencana, bising di dalam kelas, berke liaran di koridor, berambut panjang, membuang sampah di merata-rata tempat, ponteng kelas dan tidak hadir ke sekolah.

Tingkah laku guru di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini mempunyai kaitan dengan kurangnya keberkesanan strategi-strategi kawalan salah laku di kedua-dua buah sekolah ini. Penyelidik dapati guru di kedua-dua buah sekolah ini sendiri tidak mematuhi peraturan sekolah seperti datang lewat ke sekolah, lewat memasuki kelas dan bercakap sesama guru lain semasa perhimpunan mingguan.